

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 04.07.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 46

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini terhadap siasatan berhubung penggunaan dana anak yatim YaPEIM pada tahun 2017 berjumlah RM1 juta, bagi membayar yuran guaman peguam bagi membela Pembantu Mantan Perdana Menteri Dato' Seri Najib yang di bawa ke mahkamah.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Petani, SPRM tidak menyiasat berkaitan penggunaan dana anak yatim YaPEIM pada tahun 2017 berjumlah RM1 juta, bagi membayar yuran guaman peguam bagi membela Pembantu Mantan Perdana Menteri yang di bawa ke mahkamah.

Namun begitu, SPRM ada membuat siasatan berkaitan penggunaan wang YaPEIM oleh seorang bekas Ahli Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM untuk membayar kos guaman beliau. SPRM mendapati tiada keterangan yang mencukupi untuk diambil tindakan lanjut di bawah Akta SPRM 2009.

Sekian, terima kasih.